

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah yang diambil Kementerian menerusi inisiatif JENDELA, khasnya dalam meningkatkan lagi capaian dan kesalinghubungan Internet di kawasan-kawasan luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membuat perancangan dan kini sedang giat melaksanakan pelan pembangunan infrastruktur komunikasi yang dinamakan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bertujuan untuk menambah baik perkhidmatan komunikasi.

Pelaksanaan pelan JENDELA Fasa 1 yang bermula pada September 2020 memberi fokus kepada peluasan liputan gentian optik dan pembangunan infrastruktur digital termasuk pembinaan tapak 4G baharu dan menaik taraf stesen pemancar sedia ada kepada 4G bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan 4G di seluruh negara. Pencapaian JENDELA sehingga suku ketiga 2021 seperti berikut:

SOALAN NO : 13

- a) Penambahan sebanyak 1.47 juta premis daripada 4.95 juta premis yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 6.43 juta premis di seluruh negara telah disediakan dengan akses gentian optik;
- b) Kelajuan jalur lebar mudah alih meningkat daripada 25 Mbps kepada 31.34 Mbps; dan
- c) Peluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 94.39% di kawasan berpenduduk sehingga suku kedua 2021.

Pihak kerajaan juga sedang dalam proses untuk menutup rangkaian 3G agar spektrum yang digunakan dapat digunakan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan teknologi 4G yang dapat menyediakan kelajuan capaian internet yang lebih tinggi. Sehingga 30 September 2021, sebanyak 1.2 juta pelanggan 3G sedia ada telah beralih kepada 4G dan 78,000 rangkaian 3G telah ditutup untuk menambah baik liputan dan kualiti perkhidmatan teknologi 4G.

Pelaksanaan JENDELA bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan bandar, malah turut mengambil kira penyediaan infrastruktur digital di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman melalui program Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP) seperti berikut:

- a. Melalui kaedah penyumbang utama, sebanyak 362 menara baharu akan dibina menjelang penghujung 2022 yang akan meningkatkan kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk di seluruh negara. Di samping itu, sebanyak 1,661 menara baharu akan dilaksanakan secara kaedah tender terbuka di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara melalui pelantikan Penyedia Perkhidmatan Sejangat yang Dilantik atau *Designated Universal Service Provision* pada suku keempat 2021 untuk melonjakkan lagi kadar liputan 4G kepada 96.9% di kawasan berpenduduk di seluruh Malaysia, penghujung 2022 nanti.

SOALAN NO : 13

- b. Manakala di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak serta perkampungan Orang Asli, penyediaan perkhidmatan jalur lebar akan dipercepat melalui penyediaan perkhidmatan jalur lebar secara kolektif menggunakan teknologi satelit. Bagi tujuan ini, sebanyak 839 lokasi di seluruh negara telah dikenal pasti bagi memastikan liputan jalur lebar dapat diberikan di kawasan-kawasan yang sukar diakses dengan teknologi gentian optik dan mudah alih.

Secara umumnya, pelaksanaan kesemua inisiatif JENDELA ini telah bermula sejak September 2020 dan inisiatif yang dalam perancangan akan siap secara berperingkat sehingga penghujung 2022. Manakala bagi perkhidmatan jalur lebar menggunakan teknologi satelit kini dalam proses pelaksanaan dan dijangka akan siap secara berperingkat bermula November 2021 sehingga awal 2022.

Peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di seluruh negara telah meningkat kepada 94.39% setakat suku ketiga 2021 berbanding 91.8% sebelum pelaksanaan JENDELA. Selain itu, usaha penambahbaikan rangkaian akan diteruskan untuk memberikan kualiti pengalaman yang lebih baik kepada pengguna.

Para pengguna disaran untuk melayari portal JENDELA Map (<https://jendela.my>) yang telah dilancarkan pada Julai lepas bagi melaporkan lokasi yang kurang mendapat liputan agar boleh dimasukkan untuk perancangan masa hadapan. Maklumat yang diperolehi daripada pengguna secara terus secara sumber khalayak dapat digunakan sebagai maklumat bagi membuat perancangan penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua,

Selain pembinaan menara-menara telekomunikasi dan satelit, pihak kerajaan akan turut melaksanakan Penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluas ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk dengan lebih baik.

Pelaksanaan ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hab untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya. Pelaksanaan PoP bagi Fasa 1 akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah manakala bagi Fasa 2 pula akan melibatkan 3,693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara. Sekurang-kurangnya sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap menjelang akhir RMK-12 tahun 2025. Sebanyak 224 PoP di kawasan luar bandar di negeri Terengganu dan daripada jumlah tersebut pula sebanyak 15 adalah di Parlimen Besut.